

D.R. 29/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 109

2. Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*] dipinda dalam subseksyen 109(2)—

(a) dengan menggantikan noktah bertindih di hujung subseksyen itu dengan noktah; dan

(b) dengan memotong proviso.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 (“Akta 77”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memotong proviso kepada subseksyen 109(2) Akta 77 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [*Akta 676*] untuk memasukkan ke dalam Akta itu peruntukan yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya dan untuk membenarkan Mahkamah mensabitkan seorang tertuduh berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3370]